



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR berkenan menyaksikan pertandingan memotong batang sagu antara peserta konvoi KMJ 2015 dan penduduk kampung di Padang Dewan Haji Hashim, Kampung Parit Tengah di Batu.Pahat, Johor, semalam. - UTUSAN/ISHAK RAHMAD

Keberangkatan tiba sultan dan rombongan disambut meriah

BATU PAHAT 10 Ogos - Keberangkatan tiba Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar ke Dewan Haji Hashim, Kampung Parit Tengah di sini disambut meriah kira-kira 3,000 penduduk setempat selepas Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2015 bermula di Pontian.

Turut berangkat ke majlis berkeraan Permaisuri Johor, Tuanku Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah; Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail dan isterinya, Che' Puan Khaleeda Bustamam serta putera dan puteri baginda.

Kesemua keluarga diraja bersama rombongan berangkat tiba dari Taman Rekreasi Tampok Laut, Pontian dalam majlis yang menyaksikan Sultan Ibrahim berkenan merasmikan sukan tradisional di tapak permainan rakyat antaranya sagu, panjat pokok kelapa dan rakit batang pisang.

Acara lain yang dianjurkan adalah titi licin, kaki panjang, congkak dan dam gergasi, anya-

man ketupat dan gubahan sirih.

Sultan Johor turut mencemar duli menyampaikan sumbangan kepada anak yatim, fakir miskin dan orang kurang upaya (OKU) di kawasan tersebut.

Dalam majlis itu juga, Majlis Agama Islam Negeri Johor menyampaikan sumbangan beserta bantuan sara hidup bulanan kepada 14 orang golongan asnaf dengan jumlah keseluruhan RM62,000.

'Daripada jumlah penerima tersebut, empat daripadanya menerima enjin bot 40 kuasa kuda, dua penerima bot fiber 19 kaki, seorang mendapat mesin jahit dan seorang lagi mesin pembuatan pau sementara bakinya bantuan sara hidup bulanan.

Destinasi KMJ 2015 yang seterusnya pada hari ini adalah ke Parit Sulong, dekat sini sebelum berangkat ke Muar iaitu Kampung Batu 15, Mukim Ayer Hitam, Pekan Bakri dan bermalam di Maktab Teknik PDRM Bakri.